



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**Y.B DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
PERHIMPUNAN WANITA PEKEBUN KECIL NASIONAL
TAHUN 2017**

**TEMPAT : Auditorium Sultan Ahmad Shah
Ibu Pejabat RISDA**

TARIKH : 26 Januari 2017

MASA : 10.00 pagi

Bismillahirrahmaanirrahim...

YBrs. Pengacara Majlis,

**YB Datuk Zahidi b. Zainul Abidin
Pengerusi RISDA**

**YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha KKLW**

**YBhg. Tn Hj Mohd Najib bin A. Samad
Ketua Pengarah RISDA**

Ahli-ahli Pihak Berkuasa RISDA,

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah RISDA

Pengerusi Syarikat Milikan RISDA

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri,

Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA,

Peserta-peserta Perhimpunan Wanita Pekebun Kecil Nasional 2017

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis ini yang amat bermakna kepada semua peserta Perhimpunan Wanita Pekebun Kecil di bawah kelolaan RISDA. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak RISDA kerana dapat mengaturkan majlis ini dan memberi peluang kepada saya untuk bertemu dengan pekebun kecil wanita yang bersama-sama menyumbang tenaga

dan usaha untuk melonjakkan kegiatan ekonomi dan pembangunan di luar bandar. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan khususnya peserta-peserta Perhimpunan Wanita Pekebun Kecil Nasional Tahun 2017 kerana dapat hadir ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan membuktikan kesungguhan kita semua untuk membimbing warga pekebun kecil supaya dapat mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi.

2. Pelan Transformasi Luar Bandar telah saya lancarkan pada akhir November 2015 yang lepas. Berpaksikan aspirasi "Membandarkan Luar Bandar", pelan ini sebenarnya dirangka untuk menjadikan luar bandar sebagai sebuah kawasan yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan supaya penduduk luar bandar dapat menikmati kemudahan yang serupa seperti mana yang telah dinikmati oleh penduduk bandar. Melalui pelan ini juga pembangunan, punca ekonomi, pemikiran dan modal insan akan di tambah baik supaya setanding dengan bandar.

3. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) akan meneruskan inisiatif Transformasi Luar Bandar pada tahun ini dengan lebih memfokuskan kepada pelaksanaan projek atau program ***touch points*** yang bersifat **Rakyat Centric** dan boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat. Program sebegini juga akan dapat memastikan masyarakat luar bandar memperoleh manfaat menyeluruh samada dari segi prasarana, ekonomi, perumahan dan pendidikan. Impak pelaksanaan program-program ini akan menjadikan kawasan luar bandar lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan sekaligus menggalakkan generasi muda untuk terus kekal menetap dan membina masa depan di luar bandar. Bagi memastikan pelaksanaan program tersebut dibuat dengan cekap, sesetengah projek akan dilaksanakan melalui kerjasama agensi-agensi pelaksana secara kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)

4. Selain daripada program pembangunan infrastruktur seperti jalan kampung, lampu jalan kampung, lampu neon , lampu jalan LED dan bekalan air luar bandar, KKLW juga akan memberi tumpuan khusus untuk membangunkan kemudahan ameniti sosial yang sempurna dan lengkap di dalam sesebuah kampung atau kawasan penempatan bagi kegunaan masyarakat untuk menjalankan kegiatan dan fungsi sosial. Kemudahan ini termasuklah dewan orang ramai, balai raya, gelanggang permainan, laluan pejalan kaki dan medan selera. Bagi menggalakkan generasi muda untuk terus menetap di luar bandar, projek-projek pembangunan perumahan generasi kedua juga akan diberikan tumpuan.
5. Berkaitan dengan pelan transformasi yang saya nyatakan tadi, pada tahun ini pihak RISDA pula perlu memberi fokus kepada 6 bidang utama iaitu :
 1. Melaksanakan prasarana asas pertanian di bawah fokus Prasarana Luar Bandar
 2. Melaksanakan Rumah Bina Negara di bawah fokus Pembangunan Luar Bandar
 3. Pembangunan tanam semula di bawah fokus Ekonomi

4. Pembangunan Keusahawanan dan Aktiviti Ekonomi Tambahan di bawah fokus Keusahawanan
5. Bimbingan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pembangunan Modal Insan di bawah fokus Modal Insan, dan
6. Pelantikan Pegawai Seranta RISDA dan Pemaju Masyarakat RISDA di bawah fokus Sistem Penyampaian.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

5. YB Pengerusi RISDA telah memaklumkan terdapat seramai 181,113 orang pekebun kecil iaitu 35.68 % adalah terdiri daripada pekebun kecil wanita. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak RISDA kerana telah mengambil langkah yang tepat dalam menggerakkan ahli-ahli isi rumah serta pekebun kecil wanita supaya dapat sama-sama berusaha membangunkan negara melalui aktiviti yang dijalankan oleh Perkumpulan Wanita Pekebun

Kecil (PWPK) . Saya harap kemudahan ameniti sosial yang disediakan oleh pihak KKLW dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh puan-puan. Begitu juga dengan program-program pembangunan modal insan serta keusahawanan di luar bandar khususnya yang melibatkan belia dan generasi muda.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

6. Komuniti di luar bandar perlu terus diperkasa supaya dapat dibentuk dan menjadi modal insan yang berharga untuk negara ini. Budaya komuniti yang sebahagiannya lebih cenderung menunggu serta bergantung kepada bantuan daripada pihak kerajaan perlu diubah. Konsep keusahawanan sosial yang menggabungkan perusahaan perniagaan dengan impak sosial perlu difahami dan dikembangkan. Dengan menghasilkan seramai mungkin usahawan sosial dalam komuniti dipercayai akan dapat membantu meningkatkan taraf sosio ekonomi komuniti tersebut sekaligus merangsang pembangunan

negara dengan pantas. Oleh yang demikian ahli-ahli Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil diharap dapat menjadi usahawan sosial yang aktif. Para usahawan sosial akan menggunakan kemahiran perniagaan dan pengetahuan mereka untuk mencipta perniagaan yang dapat menyempurnakan matlamat sosial sebagai tambahan kepada perdagangan yang berdaya maju. Seseorang usahawan sosial akan mengambil apa juga peluang dan kesempatan yang terbuka untuk memperbaiki sistem masyarakat, mengilhamkan pendekatan baru dan juga memikirkan cara penyelesaian baru untuk kesejahteraan masyarakat sekitarnya. Aktiviti-aktiviti pendidikan, khidmat masyarakat, keagamaan, ekonomi, kebudayaan , kesenian dan sukan yang menjadi aktiviti utama di semua PWPK pada masa ini perlu terus diaktifkan dalam usaha mengujudkan masyarakat pekebun kecil yang gemilang di luar bandar.

7. Bagi melaksanakan semua program yang melibatkan wanita pekebun kecil pada tahun 2017 ini di bawah RISDA, saya memperakukan peruntukan sebanyak RM 89.8 juta iaitu:
 - i Projek Pembangunan - RM 85.8 juta

| | | | |
|---------------|-----------|---|---------------------|
| ii | Kursus | - | RM 1.7 juta |
| iii | Peralatan | - | RM 1.5 juta |
| iv | Pinjaman | - | RM 0.8 juta |
| JUMLAH | | | RM 89.8 juta |

Peruntukan ini perlu dibelanjakan dengan cekap supaya kemudahan dan pendapatan keluarga pekebun kecil dapat ditingkatkan serta mencapai hasrat transformasi luar bandar.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

8. Pada masa ini RISDA berperanan untuk memajukan pekebun kecil melalui aktiviti perladangan dan keusahawanan. Pegawai-pegawai RISDA akan melaksanakan sesi bimbingan dan tunjukajar kepada pekebun kecil yang menyertai projek melalui bimbingan secara perseorangan atau berkumpulan.

Kebiasaan sesi latihan dilaksanakan di kebun atau premis tertentu seperti balai raya, pusat kegiatan PWPK, pejabat RISDA dan lain-lain. Pihak RISDA juga mengaturkan kursus dan latihan mengikut modul secara berjadual untuk memastikan pekebun kecil mempunyai ilmu yang mantap dan mencukupi untuk melaksanakan projek yang diluluskan. Mereka juga dibantu dengan edaran bahan rujukan yang bercetak.

9. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak pengurusan RISDA yang telah membangunkan ***Knowledge Management System*** iaitu satu Sistem Pengurusan Pengetahuan yang merupakan satu kaedah bersepadu untuk mengesan, mengenalpasti, memperoleh, mempelajari, menilai serta berkongsi semua aset maklumat di RISDA. Sebagai contoh , kaedah memproses daun getah, kaedah amalan baik pengurusan kebun serta kaedah yang tepat untuk mengeluarkan hasil.

10. Pembangunan sistem ini juga membolehkan teknologi maklumat digunakan dengan berkesan bagi menyokong peningkatan pengetahuan di kalangan kakitangan RISDA, pekebun kecil serta masyarakat umum. Dalam masa terdekat saya yakin pekebun kecil mampu untuk akses kepada maklumat berkaitan pelaksanaan projek dan lain-lain menggunakan talipon bimbit sahaja.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

11. Kerajaan juga telah menyediakan bajet yang tinggi dalam RMK11 untuk membangunkan luar bandar melalui KKLW dan RISDA sebagai tanda terima kasih pihak kerajaan kepada penduduk luar bandar. Saya harap segala usaha dan bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan RISDA dapat digunakan dengan sebaik mungkin. Saya juga berdoa semoga segala usaha puan-puan akan beroleh kejayaan dan mampu berkembang dengan lebih pesat, berdaya saing, berdaya maju dan memberi impak yang tinggi dan seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan keluarga dan negara.

12. Melalui doa dan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim merasmikan
Perhimpunan Wanita Pekebun Kecil Nasional Tahun 2017.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima Kasih